

Pengajian percuma buat pelajar cemerlang

PUTRAJAYA - Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) akan memperkenalkan program penaajaan pengajian percuma kepada pelajar generasi pertama keluarga miskin yang berjaya masuki universiti.

Menyatakan itu, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, mekanisme dan dasar tersebut akan dibawa kepada jemaah menteri untuk disokong dan dijadikan dasar yang berkelangsungan.

"Ia sebagai langkah menamatkan kemiskinan melalui ilmu dan kemahiran," katanya ketika berucap pada Majlis Amanat Tahun Baharu KPT di sini pada Isnin.

Mohamed Khaled berkata, KPT juga akan memberi nafas dan sentuhan baharu terhadap Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dengan mengkaji kesesuaian untuk menjadikan PTPTN sebagai sebuah tabung amanah nasional.

"Kita mahu kurangkan beban hutang PTPTN bagi memastikan kelestariannya serta menjadikannya sebagai institusi pembiayaan pendidikan nasional yang membolehkan semua individu dari dalam dan luar negara untuk menyumbang kepada pendanaan

pendidikan tinggi negara," katanya.

Beliau berkata, KPT juga sedang meneroka ruang pendidikan yang anjal melalui penggabungan elemen berseruak dan maya sebagai memanfaatkan platform digital serta teknologi kerana pendekatan sedemikian berupaya memberi impak pengurangan kos pengajian yang signifikan.

Dalam pada itu, beliau berkata, pemilihan kepimpinan di institut pengajian tinggi (IPT) dan agensi di bawah KPT akan menyaksikan satu proses yang ketat, teliti dan objektif.

"Proses ketat ini kerana kita mahu cari tokoh paling layak dan berwibawa. Pemilihan pimpinan IPT dan agensi akan menjadi satu proses pencarian terbuka dan mengutamakan mereka yang memahami aspirasi nasional."

"Kita mahu semua kepimpinan IPT, terutamanya naib couselor serta timbalan mereka jadi pemimpin yang berkesan," katanya.

Beliau berkata, pemimpin yang mengurus dan memimpin



MOHAMED KHALED

dengan harmoni mampu membongkar segala potensi dalam institusi dipimpin.

"Semua perkara harus dipacu dengan kepimpinan yang baik kerana pembaharuan hanya akan terbit daripada kepimpinan kompeten dan dihormati.

"Pemimpin baik akan membawa perubahan natijah yang baik. Ini adalah mesaj tegas saya kepada semua pemimpin institusi pendidikan tinggi," katanya.

Beliau turut menyeru warga IPT agar mendidik penuntut supaya berada di landasan tepat menepati piawaian akademik dan budaya intelektual.

Katanya, KPT ketika ini tidak lagi tertumpu kepada kemahiran insaniah dan amali semata-mata sebaliknya perlu dilengkapi dengan kepintaran mengurus manusia serta mengurus teknologi.

"Kematangan mengawal emosi, kemahiran pelbagai bahasa, kecekapan berunding, kemampuan memimpin perbincangan dan bekerja secara efektif dalam pasukan. Semuanya adalah kemahiran pintar," katanya.